

NO. SOALAN: 31

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN**

**TARIKH : 28 NOVEMBER 2017**

**RUJUKAN : 10379**

**SOALAN :**

Datuk Zahidi Bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab pekerja asing untuk sektor perladangan terutama sawit tamat sukar diluluskan kerana banyak birokrasi terpaksa dihadapi oleh pengusaha sawit.

61

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan telah membangunkan sistem pengambilan pekerja asing secara *online* bagi mengelakkan penglibatan orang tengah dan meminimumkan kos pengambilan dan pentadbiran pekerja asing, memendekkan tempoh merekrut pekerja asing serta membendung penganiayaan dan pemerdagangan ke atas pekerja asing.**

**Proses penilaian awal kelayakan majikan akan dilaksanakan secara *online* berdasarkan maklumat yang dimuatnaik oleh majikan. Majikan akan dipanggil untuk proses temuduga di Pusat Kelulusan Setempat (OSC) yang dikendalikan oleh Agensi Kawal Selia (AKS) bagi mengesah dan memastikan permohonan berkenaan dikemukakan oleh majikan hakiki dan mempertimbangkan kuota berdasarkan kelayakan sebenar majikan.**